

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JULAI 2025
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA : 23
SURAT

Inflasi naik perlahan 1.1 peratus

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian

BISNES 23

RABU 23 JULAI 2025 • SINAR HARIAN

Inflasi naik perlahan 1.1 peratus

59.2 peratus barangan daripada 573 item catat kenaikan harga pada Jun

KUALA LUMPUR

Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus pada Jun 2025 dengan indeks mencatatkan 134.5 mata berbanding 133.0 pada bulan yang sama tahun lalu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam satu kenyataan mengenai Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Jun 2025 oleh jabatan itu, penurunan juga dapat disaksikan pada Indeks Harga Pengeluaran (IHPR) bagi pengeluaran tempatan yang mencatatkan penyusutan negatif 3.6 peratus pada Mei 2025.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sebanyak 59.2 peratus barangan iaitu 339 daripada 573 item mencatatkan kenaikan harga.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 329 item (97.1 peratus) mencatatkan kenaikan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 10 item mencatatkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Jun 2025.

"Bakinya iaitu 192 item (33.5 peratus) mencatatkan penurunan, manakala 42 item kekal tidak berubah," katanya.

DoSM berkata, kumpulan makanan dan minuman yang menyumbang 29.8 peratus kepada keseluruhan IHP, meningkat 2.1 peratus pada Jun 2025.

Subkumpulan makanan, di luar rumah mencatatkan kenaikan yang lebih tinggi sebanyak 4.7 peratus, berbanding 4.4 peratus pada bulan sebelumnya.

Bagaimanapun, kategori makanan di rumah mencatatkan penurunan 0.4 peratus, sekali gus mengekang inflasi itu daripada meningkat lebih tinggi, katanya.

Jabatan itu berkata, terdapat beberapa kumpulan mencatatkan kadar kenaikan yang sama seperti bulan sebelumnya iaitu pendidikan (2.2 peratus), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.7 peratus) serta insurans dan perkhidmatan kewangan (1.5 peratus).

Sementara itu, perkhidmatan restoran dan penginapan meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.8 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 3.0 peratus); rekreasi, sukan dan kebudayaan pada 0.8 peratus (Mei 2025: 0.9 peratus); pengangkutan 0.3 peratus (Mei 2025: 0.7 peratus); serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah pada 0.1 peratus.

Mohd Uzir



IHP bagi Jun 2025 menyaksikan penurunan pada IHPR bagi pengeluaran tempatan yang mencatatkan penyusutan negatif 3.6 peratus pada Mei 2025. - Gambar hiasan

peratus (Mei 2025: 0.2 peratus).

Mohd Uzir menambah, di peringkat negeri, sebanyak 10 negeri mencatatkan kenaikan di bawah paras inflasi nasional sebanyak 1.1 peratus, dengan Kelantan merekodkan kenaikan terendah iaitu 0.2 peratus pada Jun 2025.

"Lima negeri mencatatkan kadar inflasi melebihi kadar nasional iaitu Negeri Sembilan (1.6 peratus), Selangor (1.6 peratus), Johor (1.5 peratus), Melaka (1.3 peratus) dan Kuala Lumpur (1.2 peratus)," katanya. - Bernama